

Emas jadi pembakar semangat Diana

JAGUH wushu negara, Diana Bong (*gambar*), menganggap kejayaan meraih emas Sukan Universiti Asean (AUG) di Phonsawan School, semalam sebagai pembakar semangat untuknya memburu gelaran sulung pada Kejohanan Dunia di Kuala Lumpur, tahun depan.

Meskipun AUG bukanlah medan setanding dengan saingan bertaraf dunia, pemenang pingat perak dan dua gangsa Kejohanan Dunia di Ankara Turki 2011 itu mengakui kejayaan di Laos amat hebat.

"Ini kerana pencapaian saya agak suram sejak kebelakangan ini. Bermula di Sukan Asia Guangzhou, prestasi saya turun mendadak hingga gagal memperbaiki pencapaian pingat gangsa yang diraih di Doha 2004.

"Kemudian, sekali lagi saya melakukan kesilapan di Sukan Sea Indonesia tahun lalu hingga pulang tangan kosong.

"Terlalu gembira kerana mencapai misi meraih emas hari ini. Ia permulaan yang baik untuk saya melangkah ke 2013 dan memburu gelaran dunia," katanya sambil menambah rasa tenang di

gelanggang menyumbang kepada kejayaan sulungnya di AUG.

Diana, mahasiswi Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat 9.55 mata dalam acara Nanquan menewaskan Felicia Alveina Monindra dari Indonesia, 9.31 (kedua). Manakala Singapura, Ashley Tan mengutip 8.55, ketiga.

Meskipun tanpa juara dunia Chai Fong Ying yang terpaksa disisihkan saat akhir berikutan perlu meletakkan sepenuh tumpuan kepada Kejohanan Dunia tahun depan, wushu cemerlang menutup tirai saingan semalam, dengan keseluruhan tiga emas, tiga perak dan dua gangsa.

Dua lagi pingat emas dikutip Loh Jack Chang dan adik kepada Fong Ying, Fong Wei masing-masing dalam acara Taijiquan dan Chanquan.

Perak diraih Ng Shin Yii (Taijiquan), Wong Weng Son (Chanquan) dan Ng Say Yoke, Khoo Chee Zhong serta Weng Son (Duilian berpasukan lelaki).

Sementara gangsa diraih, Chee Zhong (Nanquan) dan Fong Wei bersama Diana, Duilian berpasukan wanita.

